

Addendum

HOMEGUARD

BENEFITS, EXCLUSIONS, TERMS AND CONDITIONS RELATING TO DOMESTIC MEDICAL ASSISTANCE (DMA)

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (Allianz) has entered into an agreement with Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd (Asia Assistance) to provide the Domestic Medical Assistance described below as a benefit to the Insured Person.

Services described herein underwritten by Allianz and available 24 hours a day, 365 days to Insured Person travelling anywhere within Malaysia. Services shall be organised by Asia Assistance and Allianz shall pay the cost of provision of services within the limits stipulated herein.

The Insured Person may call Asia Assistance Alarm Centre in Malaysia 24 hours a day to request the services described herein. Such calls can be made through "call collect" or "reverse charge".

24-HOUR MEDICAL INFORMATION AND ASSISTANCE

Asia Assistance will provide referral to doctors and hospitals within Malaysia and assist in making appointments for Insured Person when necessary.

All hospital, medical surgical and treatment fees and related charges incurred shall be borne directly and entirely by the Insured Person without reimbursement from Asia Assistance.

MEDICAL EVACUATION

Following a medical emergency, when hospitalised and local medical facility is inadequate to treat the Insured Person, Asia Assistance will organise and Allianz shall pay for medical evacuation under constant medical supervision to the nearest adequate medical facility within Malaysia.

DOMESTIC MEDICAL SUPERVISED REPATRIATION

When Asia Assistance's doctor, in consultation with the local attending physician, determines that treatment should continue at a medical facility nearer home in Malaysia following stabilisation, Asia Assistance will organise and Allianz shall pay for the repatriation under constant medical supervision.

Note: All medical evacuation and/or repatriation would be carried out under constant medical supervision and shall be organised by Asia Assistance and paid for by Allianz up to Ringgit Malaysia One Million (RM1,000,000.00) per person per event.

MEDICAL MONITORING & EMERGENCY MESSAGE TRANSMISSION

Asia Assistance will monitor the Insured Person's condition if he is hospitalised and will keep the Insured Person's employer/family informed, with the agreement of the Insured Person.

DESPATCH OF ESSENTIAL MEDICATION NOT AVAILABLE LOCALLY

When necessary, Asia Assistance will organise and Allianz shall pay for the despatch of essential medicine that is not available locally when local rules and regulations allow such despatch. Insured Person shall bear all cost of medicine and Allianz shall pay for the cost of despatching up to Ringgit Malaysia One Thousand (RM1,000.00) per event.

HOSPITAL ADMISSION GUARANTEE

In the event that emergency hospital admission is needed and Insured Person has no means for the required hospital admission deposit, upon request Asia Assistance will provide an admission guarantee letter on behalf of Allianz to the medical facility concerned. The amount

of hospital admission guarantee shall be up to Ringgit Malaysia Two Thousand Five Hundred (RM2,500.00) only subject to Asia Assistance first receiving the letter of indemnity from the Insured Person or Insured Person's next of kin.

All hospital charges incurred shall be borne by the Insured Person and the Insured Person is required to ensure that such hospital bills are settled upon discharge. This guarantee is not a form of settlement of hospital bills but to facilitate emergency admission. This benefit shall not be available to an Insured Person who is already admitted to the hospital. Should Asia Assistance need to put up any cash on behalf of Allianz as a result of the provision of such hospital guarantee, the Insured Person agrees to reimburse Asia Assistance within forty five (45) days (without interest) from the date of payment.

EXCLUSIONS

1. Minor illness or injury which can be adequately treated locally and which does not prevent the Insured Person from continuing his/her travels or work. The decision as to what constitute minor illness or injury shall be determined by the Asia Assistance doctor in consultation with the treating physician whose decision shall be final and binding.
2. Any Insured Person physically able to return to his home state as a seated passenger and without medical escort (unless accepted by the Asia Assistance doctor).
3. Any Insured Person under treatment at the time of commencing his/her journey, or any journey undertaken against the advice of the treating doctor or with the intention of obtaining medical treatment.
4. Pregnancy, unless unexpected vital complications arise.
5. Cases related to consequences of suicide or attempted suicide.
6. Cases related to mental diseases which are or have been under treatment.
7. Voluntary participation in armed conflicts (whether civil or military), strikes, riots or rebellions.
8. Armed forces personnel whilst in active duty in any country.
9. Use of drugs other than those prescribed by a qualified medical doctor, as well as consequences of alcohol abuse.
10. Any unlawful act.
11. Direct or indirect effects of nuclear reactions.
12. Participation in professional sporting competitions, rallies of a professional nature and any other professional sports.

Tambahan sebagai lampiran dan membentuk sebahagian daripada Polisi Insurans Homeguard.

FAEDAH, PENGECUALIAN, TERMA DAN SYARAT BERHUBUNG DENGAN BANTUAN PERUBATAN DOMESTIK (DMA)

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (Allianz) telah memasuki suatu perjanjian dengan Asia Assistance Network (M) Sdn Bhd (Asia Assistance) untuk memberi Bantuan Perubatan Domestik yang diterangkan di bawah sebagai suatu faedah kepada Orang Yang Diinsuranskan.

Khidmat yang di terangkan di dalam perjanjian ini telah diunderait oleh Allianz dan boleh didapati 24 jam sehari, 365 hari kepada Orang Yang Diinsuranskan yang berjalan ke mana-mana di dalam Malaysia. Khidmat akan diurus oleh Asia Assistance dan Allianz akan membayar kos pemberian khidmat tersebut dalam lingkungan had yang dinyatakan di dalam perjanjian ini.

Orang Yang Diinsuranskan boleh menghubungi Pusat Kecemasan Asia Assistance di Malaysia 24 jam sehari untuk meminta khidmat yang diterangkan di dalam perjanjian ini. Panggilan tersebut boleh dibuat menerusi panggilan 'pindah bayaran'.

BANTUAN DAN MAKLUMAT PERUBATAN 24-JAM

Asia Assistance akan memberi rujukan kepada doktor dan hospital di dalam Malaysia dan bantu membuat janji temu untuk Orang Yang Diinsuranskan apabila perlu.

Semua fi hospital, perubatan bedah dan rawatan dan caj berkaitan yang ditanggung akan ditanggung secara langsung dan keseluruhannya oleh Orang Yang Diinsuranskan tanpa pembayaran ganti oleh Asia Assistance.

PEMINDAHAN PERUBATAN

Selepas sesuatu kecemasan perubatan, apabila dimasukkan ke hospital dan kemudahan perubatan setempat tidak memadai untuk merawat Orang Yang Diinsuranskan, Asia Assistance akan urus dan Allianz akan bayar pemindahan perubatan itu di bawah pengawasan rapi perubatan ke kemudahan perubatan memadai yang terdekat di dalam Malaysia.

REPATRIASI DI BAWAH PENGAWASAN PERUBATAN DOMESTIK

Apabila doktor Asia Assistance, setelah berunding dengan doktor tempatan yang bertugas, menentukan bahawa rawatan harus disambung di sebuah kemudahan perubatan yang lebih dekat dengan kediaman di Malaysia setelah keadaan stabil, Asia Assistance akan urus dan Allianz akan bayar bagi repatriasi tersebut di bawah pengawasan rapi perubatan.

Nota: Semua pemindahan perubatan dan/atau repatriasi akan dilakukan di bawah pengawasan rapi perubatan dan akan diurus oleh Asia Assistance dan dibayar oleh Allianz sehingga Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000.00) setiap orang setiap kali.

PENGAWASAN PERUBATAN & PENGHANTARAN MESEJ KECEMASAN

Asia Assistance akan mengawasi keadaan Orang Yang Diinsuranskan jika ia dimasukkan ke hospital dan akan memaklumkan kepada majikan/keluarga Orang Yang Diinsuranskan, dengan persetujuan Orang Yang Diinsuranskan.

PENGHANTARAN UBAT PENTING YANG TIDAK BOLEH DIDAPATI SECARA SETEMPAT

Apabila perlu, Asia Assistance akan urus dan Allianz akan bayar bagi penghantaran ubat penting yang tidak boleh didapati secara setempat

apabila undang-undang dan peraturan tempatan membenarkan penghantaran tersebut. Orang Yang Diinsuranskan akan menanggung semua kos ubat dan Allianz akan bayar kos penghantaran sehingga Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000.00) setiap kali.

JAMINAN KEMASUKAN HOSPITAL

Sekiranya kemasukan kecemasan ke hospital diperlukan dan Orang Yang Diinsuranskan tidak berupaya membayar deposit kemasukan hospital yang dikehendaki, apabila diminta Asia Assistance akan memberi surat jaminan bagi pihak Allianz kepada kemudahan perubatan berkenaan. Amaun jaminan hospital adalah sehingga Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus (RM2,500.00) sahaja tertakluk kepada Asia Assistance terlebih dahulu menerima surat tanggung rugi daripada Orang Yang Diinsuranskan atau waris Orang Yang Diinsuranskan.

Semua caj hospital hendaklah ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memastikan bahawa semua bil hospital itu dibayar ketika keluar. Jaminan bukan merupakan satu bentuk pembayaran bil hospital tetapi untuk memudahkan kemasukan kecemasan. Faedah ini tidak diberi kepada seorang Orang Yang Diinsuranskan yang telah pun dimasukkan ke hospital. Sekiranya Asia Assistance perlu membuat apa-apa bayaran tunai bagi pihak Allianz sebagai akibat daripada peruntukan jaminan hospital tersebut, Orang Yang Diinsuranskan bersetuju untuk membayar ganti kepada Asia Assistance dalam tempoh empat puluh lima (45) hari (tanpa faedah) dari tarikh bayaran.

PENGECUALIAN


1. Kesakitan atau kecederaan ringan yang boleh dirawat secara tempatan dan yang tidak menghalang Orang Yang Diinsuranskan daripada menyambung perjalanan atau kerjanya. Keputusan tentang apa yang merupakan kesakitan atau kecederaan ringan akan ditentukan oleh doktor Asia Assistance setelah berunding dengan doktor bertugas dan keputusannya adalah muktamad dan terikat.
2. Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang secara fizikal boleh kembali ke negeri kediamannya sebagai penumpang duduk dan tanpa pengiring perubatan (melainkan jika diterima oleh doktor Asia Assistance).
3. Mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang dalam rawatan ketika memulakan perjalanannya, atau apa-apa perjalanan yang diambil dengan melanggar nasihat doktor yang merawat atau dengan niat untuk mendapat rawatan perubatan.
4. Kehamilan, melainkan timbul komplikasi penting yang tidak dijangka.
5. Kes-kes yang berkaitan dengan akibat daripada membunuh diri atau percubaan membunuh diri.
6. Kes-kes yang berkaitan dengan penyakit mental yang sedang dan pernah diberi rawatan.
7. Penyertaan sukarela dalam konflik bersenjata (sama ada awam atau tentera), mogok, rusuhan atau penentangan.
8. Kakitangan angkatan tentera yang sedang berkhidmat aktif di mana-mana negara.
9. Penggunaan dadah selain daripada apa yang dipreskripsikan oleh doktor perubatan yang berkeelayakan, dan juga daripada akibat penyalahgunaan alkohol.
10. Apa-apa kegiatan haram.
11. Kesan langsung atau tidak langsung reaksi nuklear.
12. Penyertaan dalam pertandingan sukan profesional, rali bersifat profesional dan apa-apa sukan profesional lain.

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Allianz Contact Center: 1 300 22 5542 Email: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my

